

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, November 24, 2017 9:04 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: UUM Ketua UA Jalin Kerjasama Dengan Alibaba Business School



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



24 NOVEMBER 2017 / 05 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM KETUAI UA JALIN KERJASAMA DENGAN ALIBABA BUSINESS SCHOOL



UUM ONLINE: Kuala Lumpur – Universiti Utara Malaysia (UUM) telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Alibaba Business School di Auditorium Teater Pleno, KLCC sempena Forum Pendidikan Tinggi Malaysia 2017.

Pemeteraian MoU ini adalah susulan daripada lawatan dan perbincangan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ke Ibu Pejabat Alibaba, baru-baru ini bertujuan menggalakkan dan meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang berkaitan.

MoU ditandatangani Naib Canselor UUM, Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak mewakili UUM, manakala Alibaba Business School diwakili Brian Wong, Naib Presiden, Alibaba Group Limited.

Pemeteraian itu turut disaksikan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh; Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Dr Mary Yap Kain Ching dan Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur.

Naib Canselor UUM, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, jalinan kerjasama itu akan diketuai UUM dan akan melibatkan semua Universiti Awam termasuk Politeknik.

"Menerusi perjanjian ini, UUM dan Alibaba Business School bersetuju menjalinkan kerjasama dalam beberapa program seperti latihan keusahawanan, program e-Dagang global dan sebarang bidang kerjasama lain yang akan dipersetujui dari semasa ke semasa.

"UUM dan Alibaba Business School juga akan berusaha menguatkan, menggalakkan dan membangunkan kerjasama antara kedua-dua pihak atas dasar kesaksamaan dan faedah bersama," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada KPT di atas kepercayaan diberikan untuk UUM menjalinkan kerjasama dengan Alibaba Business School.

Sementara itu, Brian Wong berkata, pihaknya akan memastikan kerjasama antara Alibaba Business School dengan universiti awam terlibat akan dijayakan sebaiknya dan dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.